



# The Observer

**MSWG akan menganjurkan webinar bertajuk “Cyber Security: What’s Directors Need to Know” pada jam 09.30 pagi pada hari Rabu, 8 Jun 2022. Sila layari <https://bit.ly/3Lxx4Kk> untuk pendaftaran dan maklumat lanjut.**

**27.05.2022**

## ❖ Peranan pengarah silih ganti – suatu pandangan alternatif

Akta Syarikat 2016 (“AS2016”) mentakrifkan “pengarah” sebagai mana-mana orang yang memegang jawatan pengarah sesebuah perbadanan tidak kira dengan apa jua nama yang dipanggil dan termasuk seseorang yang mengikut arahan atau petunjuknya majoriti pengarah suatu perbadanan lazimnya bertindak dan seorang pengarah silih ganti (*alternate director*) atau pengarah ganti (*substitute director*).

Ini bermakna pengarah silih ganti diiktiraf dan dibenarkan di bawah AS2016. Namun kehadiran mereka kini mungkin sudah tidak relevan berbanding pada masa lalu.

Mesyuarat maya semakin lazim diadakan (termasuk mesyuarat lembaga), maka sudah pasti pengarah silih ganti tidak diperlukan lagi. Pengarah utama boleh menghadiri mesyuarat lembaga secara maya melalui persidangan audio atau video.

Hakikatnya di sini ialah pengarah yang mempunyai pengarah silih ganti secara tidak langsung memberi isyarat bahawa beliau mungkin tidak mempunyai masa yang cukup untuk menghadiri mesyuarat lembaga secara berkala. Oleh yang demikian, beliau memerlukan seseorang untuk menggantikan tempatnya dalam mesyuarat tersebut.

## Santapan minda

Lembaga Pengarah tidak seharusnya membenarkan pelantikan pengarah silih ganti kerana perbezaan personaliti antara pengarah utama dan pengarah silih ganti boleh menimbulkan pelbagai isu.

Pertama, mereka mungkin mempunyai pendapat dan pengetahuan yang berbeza tentang isu tertentu. Oleh kerana mereka membahagikan kehadiran secara bersilih ganti, mereka tidak dapat mengikuti perbincangan yang lengkap tentang sesuatu isu dalam mesyuarat lembaga.

Selain itu, pengarah silih ganti mungkin tidak memahami konteks (termasuk intipati perbincangan dalam mesyuarat sebelum ini) dan mereka juga tidak

bertanggungjawab terhadap keputusan yang telah dibuat oleh pengarah utama pada mesyuarat yang lalu. Pengarah utama maklum tentang agenda utama mesyuarat yang dihadapinya tetapi perkara ini tidak diketahui oleh pengarah silih ganti yang tidak menghadiri mesyuarat tersebut dan begitulah sebaliknya.

Kemudian terdapat isu berkaitan liabiliti apabila berlaku kesilapan. Adakah kedua-duanya patut dikenakan tindakan atau adakah kesalahan itu hanya diletakkan ke atas seorang pengarah yang membuat keputusan? Pengarah utama mungkin menyalahkan pengarah silih ganti dengan mendakwa pengarah silih ganti tidak menyampaikan maklumat dengan secukupnya dan begitu juga sebaliknya. Gabungan isu dan masalah yang mungkin berlaku bagaikan tiada had.

Takrifan "pengarah" di bawah AS2016 termasuk pengarah silih ganti atau pengarah ganti. Pengarah silih ganti tertakluk kepada liabiliti pengarah yang sama di bawah AS2016 apabila menjalankan fungsinya sebagai pengarah silih ganti.

Selain itu, keberkesanan lembaga pengarah akan diragui kerana pengarah silih ganti mungkin tidak mempunyai tahap komitmen yang sama memandangkan peranannya hanya sebagai pengarah silih ganti. Beliau mungkin menghadiri jumlah mesyuarat yang lebih sedikit berbanding pengarah utama.

Pemegang saham perlu mengutarakan soalan kepada Lembaga Pengarah tentang rasional di sebalik pelantikan pengarah silih ganti. Apakah keperluan pelantikan pengarah silih ganti? Adakah tempoh pemegangan jawatan mereka menjejaskan keberkesanan Lembaga Pengarah? Adakah tempoh pelantikan pengarah silih ganti akan dipanjangkan? Dan akhir sekali, apakah tahap kemahiran dan pengetahuan pengarah silih ganti tersebut dan isu lain yang berkaitan.

Melihat dari sudut tadbir urus korporat yang baik, walaupun amalan itu dibenarkan, MSWG cenderung mengambil pandangan berjaga-jaga apabila memperkatakan tentang pelantikan pengarah ganti. Kami menggesa pemegang saham untuk menyoal syarikat tentang pelantikan mereka.

Sesiapa yang bersetuju untuk dilantik sebagai pengarah silih ganti juga perlu memahami implikasi berbuat demikian. Beliau tertakluk kepada kewajipan statutori dan fidusiari yang sama sebagai pengarah apabila melaksanakan fungsinya sebagai pengarah silih ganti. Lagipun, pengarah silih ganti masih seorang pengarah dan beliau perlu melaksanakan tugas yang diperlukan oleh seorang pengarah. Beliau juga boleh dikenakan tindakan yang mungkin dikenakan ke atas pengarah.

Pengarah silih ganti diamanahkan dengan kuasa, hak, kewajipan dan tanggungjawab hanya apabila beliau memangku jawatan pengarah yang mana beliau menjadi pengarah silih ganti. Pada masa lain, apabila beliau tidak bertindak sebagai pengarah silih ganti, beliau mungkin tidak mempunyai kuasa dan hak sedemikian. Ini mewujudkan senario yang menarik. Selepas mesyuarat lembaga pengarah, bolehkah kedua-dua pengarah utama dan pengarah silih ganti meminta maklumat daripada pihak pengurusan? Pengarah silih ganti mungkin mengutarakan permintaan itu sebagai mukadimah bagi mesyuarat lembaga pengarah terakhir yang dihadiri oleh beliau maka beliau memerlukan maklumat tersebut daripada pihak pengurusan.

Suatu perkara yang menarik untuk diperhatikan, tiada peruntukan khusus dalam AS2016 mengenai pelantikan pengarah silih ganti. Pengarah silih ganti tidak boleh dilantik sewenang-wenangnya melainkan kuasa untuk melantik diperuntukkan dalam perlembagaan syarikat.

Pelantikan pengarah silih ganti tidak memerlukan kelulusan pemegang saham. Oleh yang demikian, pengarah silih ganti bukanlah pilihan pemegang saham tetapi pilihan pengarah utama yang diluluskan oleh lembaga pengarah.

Para pengarah dikehendaki untuk dilantik semula jika mereka bersara pada AGM yang akan datang. Namun, pengarah silih ganti tidak perlu berbuat demikian. Pengarah silih ganti boleh mengelak undi pemegang saham yang sepatutnya diwakilinya. Pengarah silih ganti tetap menjadi pilihan pengarah utama yang disahkan oleh lembaga pengarah dan bukannya pilihan pemegang saham.

Lembaga pengarah perlu menghentikan amalan melantik pengarah silih ganti. Jika seseorang pengarah tidak mampu meluangkan masa untuk menjadi pengarah, maka beliau perlu meletakkan jawatan dan bukannya melantik pengarah silih ganti.

Pada akhirnya, lembaga pengarah memainkan peranan yang penting untuk menghalang pelantikan pengarah silih ganti. Sekiranya pelantikan pengarah silih ganti sudah termaktub dalam perlembagaan syarikat, maka sudah tiba masanya pemegang saham meluluskan resolusi khas untuk menghapuskan klausa tersebut. Seelok-eloknya, lembaga pengarah perlu bekerjasama dengan para pemegang saham untuk menyelesaikan perkara ini.

Pada masa ini, terdapat undang-undang kes yang masih belum dapat diselesaikan untuk menentukan jumlah liabiliti yang dikenakan ke atas pengarah silih ganti. Justeru, seseorang perlu berfikir semasak-masaknya sebelum menerima jawatan sebagai pengarah silih ganti.

**Devanesan Evanson**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**

---

### **Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 30 Mei hingga 3 Jun 2022**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

<b>Tarikh dan Masa</b>	<b>Syarikat</b>	<b>Tinjauan ringkas</b>
30.05.22 (Isnin) 10.30 pagi	Spritzer Bhd (AGM)	Spritzer menyaksikan pemulihan dalam pendapatannya dengan peningkatan 7% kepada RM331.0 juta pada tahun kewangan 2021, terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam jualan produk minuman selepas kelonggaran

		<p>sekatan pergerakan serta pembukaan semula lebih banyak sektor ekonomi pada suku akhir 2021.</p> <p>Prospek Spritzer akan dipacu oleh pertumbuhan ekonomi Malaysia dan aktiviti perniagaan domestik pada masa hadapan.</p>
30.05.22 (Isnin) 11.00 pagi	Pegasus Heights Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Pegasus menyusut 57.2% kepada RM26.7 juta disebabkan oleh penurunan dagangan secara mendadak dan sedikit sebanyak, pendapatan daripada Perundingan Pengurusan Projek (<i>Project Management Consultation, PMC</i>).</p> <p>Kerugian bersih meningkat 165.3% kepada RM19.1 juta disebabkan rosot nilai ke atas muhibah berjumlah RM16.0 juta.</p> <p>Jika dikecualikan rosot nilai yang luar biasa ini, kerugian bersih akan merosot 56.1% kepada RM3.2 juta.</p>
31.05.22 (Selasa) 09.30 pagi	Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad (AGM)	<p>Pendapatan daripada operasi STMKB bagi tahun kewangan 2021 adalah lebih tinggi, berjumlah RM3.18 bilion, berbanding RM2.96 bilion pada tahun kewangan 2020. Keuntungan sebelum zakat dan cukainya meningkat 3% kepada RM438.7 juta daripada RM426.8 juta, keuntungan bersih selepas zakat dan cukai juga lebih tinggi iaitu RM412.2 juta, berbanding RM363.6 juta pada tahun kewangan sebelumnya.</p> <p>Pendapatan yang lebih tinggi ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan jualan daripada perniagaan takaful keluarga dan takaful am. Sementara itu, keuntungan sebelum cukai yang lebih tinggi disebabkan oleh pendapatan yuran wakalah bersih yang lebih tinggi.</p>
31.05.22 (Selasa) 10.00 pagi	Techna-X Berhad (AGM)	<p>Techna-X merekodkan pendapatan yang disatukan berjumlah RM68.6 juta pada tahun kewangan 2021. Perniagaan makanan dan minuman yang dipacu teknologi menyumbang kira-kira RM33.9 juta manakala penyelesaian penyimpanan tenaga menyumbang kira-kira RM23.5 juta.</p>

		<p>RM11.2 juta pula disumbangkan oleh pemboleh transformasi digital dan teknologi lain.</p> <p>Operasi berterusan syarikat mencatatkan kerugian bersih kira-kira RM21.7 juta pada tahun kewangan 2021, berbanding kerugian bersih RM19.3 juta pada tahun sebelumnya.</p>
31.05.22 (Selasa) 10.00 pagi	Comfort Gloves Berhad (AGM)	<p>Pendapatan meningkat 46.9% kepada RM1.39 bilion bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2021, berbanding RM946.447 juta pada tahun kewangan berakhir 31 Januari 2021. Sementara itu, keuntungan bersihnya meningkat 50.4% kepada RM421.5 juta daripada RM280.2 juta dalam tempoh yang sama sebelum ini.</p> <p>Peningkatan prestasi ini terutamanya didorong oleh harga jualan purata yang lebih tinggi. Dengan peningkatan segmentasi dalam pasaran sarung tangan getah, Kumpulan membangunkan lebih banyak sarung tangan kegunaan khusus bagi membezakan syarikatnya daripada yang lain.</p>
31.05.22 (Selasa) 10.00 pagi	IHH Healthcare Berhad (AGM)	<p>Tahun kewangan 2022 memberikan sinar baharu kepada IHH kerana wabak COVID-19 sudah memasuki fasa endemik. Ini mungkin mendorong lebih banyak kemasukan pesakit ke hospitalnya.</p> <p>Pandemik COVID-19 juga melonjakkan permintaan terhadap keperluan perkhidmatan makmal dan ini menyumbang kira-kira RM2 bilion kepada pendapatan Syarikat pada tahun kewangan berakhir 2021. Pendapatan daripada perkhidmatan makmal dijangka meningkat pada tahun kewangan 2022.</p>
31.05.22 (Selasa) 10.00 pagi	WZ Satu Berhad (AGM)	<p>WZ Satu mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM4.8 juta pada tahun kewangan 2021 berbanding kerugian sebelum cukai sebanyak RM63.5 juta dalam tempoh kewangan 2020. Ini disebabkan oleh prestasi yang lebih kukuh yang dicatatkan dalam semua segmen perniagaan</p>

		<p>contohnya, segmen Minyak dan Gas (<i>Oil and Gas, OG</i>), Pembuatan serta Kejuruteraan Awam dan Pembinaan (<i>Civil Engineering and Construction, CEC</i>).</p> <p>Segmen-segmen lain juga mencatatkan peningkatan prestasi dengan kerugian sebelum cukai yang lebih rendah.</p>
31.05.22 (Selasa) 11.00 pagi	WZ Satu Berhad (EGM)	WZ Satu berhasrat untuk mempelbagaikan aktiviti Kumpulan ke dalam segmen pembangunan hartanah dan mencadangkan untuk menukar namanya kepada "Citaglobal Berhad".
01.06.22 (Rabu) 02.00 petang	Eversendai Corporation Berhad (AGM)	<p>Eversendai mencatatkan kerugian bersih berjumlah RM146.1 juta pada tahun kewangan 2021, dengan peningkatan kerugian sebanyak RM6.98 juta berbanding tahun kewangan lepas (2020: kerugian bersih RM139.1 juta).</p> <p>Kerugian yang lebih tinggi ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kelewatan berterusan dalam kemajuan projek yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Ini ditambah pula dengan kerugian rosot nilai serta hapus kira penghutang dan aset kontrak berjumlah RM55.8 juta (Tahun kewangan 2020: Kerugian rosot nilai RM24.4 juta).</p>
02.06.22 (Khamis) 10.00 pagi	Genting Malaysia Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan meningkat 17% tahun ke tahun kepada RM13.5 bilion (tahun kewangan 2020: RM11.6 bilion) manakala pendapatan bersih sebelum ditolak faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (<i>Earnings Before Interest, Tax, Depreciation and Amortisation, EBITDA</i>) yang diselaraskan Kumpulan meningkat kepada RM4.0 bilion (tahun kewangan 2020: RM2.9 bilion). Peningkatan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh Bahagian Riadah dan Hospitaliti serta Bahagian Perladangan, selaras dengan peningkatan pendapatan. Prospek pelancongan antarabangsa bertambah baik secara beransur-ansur, disokong oleh kadar vaksinasi yang lebih tinggi di seluruh dunia dan pengenalan pasport vaksin di negara tertentu.</p>

		Faktor-faktor ini menyokong pemulihan industri pelancongan, riadah dan hospitaliti, termasuk sektor perjudian serantau.
02.06.22 (Khamis) 10.00 pagi	Malaysian Resources Corporation Berhad (AGM)	<p>MRCB mencatatkan pendapatan yang lebih tinggi berjumlah RM1.4 bilion dan keuntungan sebelum cukai (Profit Before Tax, PBT) berjumlah RM61 juta pada tahun kewangan 2021 berbanding pendapatan berjumlah RM1.2 bilion dan kerugian sebelum cukai (Loss Before Tax, LBT) sebanyak RM154 juta pada tahun sebelumnya.</p> <p>Pendapatan dan keuntungan yang lebih tinggi ini sebahagian besarnya disebabkan oleh penyatuan Setia Utama LRT3 Sdn Bhd ("SULSB") (dahulunya dikenali sebagai MRCB George Kent Sdn Bhd), yang membolehkan Kumpulan mengiktiraf 100% daripada pendapatan dan keuntungan daripada projek itu pada suku tahun keempat 2021.</p>
02.06.22 (Khamis) 10.00 pagi	Tenaga Nasional Berhad (AGM)	<p>TNB melaporkan pendapatan berjumlah RM52.63 bilion bagi tahun kewangan 2021, mewakili peningkatan 19.7% tahun ke tahun daripada RM43.98 bilion setahun yang lalu.</p> <p>Jualan elektrik meningkat 19.3% tahun ke tahun kepada RM51.56 bilion, selaras dengan penyambungan semula aktiviti ekonomi dalam negara.</p> <p>Keuntungan bersih TNB meningkat 6.9% tahun ke tahun kepada RM3.86 bilion disebabkan oleh peningkatan dalam keuntungan operasi dan peningkatan bahagian keuntungan daripada syarikat bersekutu, serta keuntungan perakaunan ke atas nilai saksama instrumen kewangan.</p>
02.06.22 (Khamis) 11.00 pagi	Malaysia Airports Holdings Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Malaysia Airports menyusut 10.4% tahun ke tahun kepada RM1.67 bilion pada tahun kewangan 2021. Jika berdasarkan segmen, pendapatan daripada operasi lapangan terbang menyusut 12.8% tahun ke tahun kepada RM1.47 bilion. Pendapatan aeronautik merosot 9.9% tahun ke</p>

		<p>tahun kepada RM798.1 juta manakala pendapatan bukan aeronautik menyusut 16.0% tahun ke tahun kepada RM668.5 juta. Pendapatan daripada operasi bukan lapangan terbang meningkat 12.3% atau RM22.6 juta tahun ke tahun. Ia disebabkan oleh pendapatan yang lebih tinggi daripada segmen pertanian, yang dipacu oleh harga komoditi yang lebih tinggi serta permintaan terhadap perniagaan hotel serta perniagaan pembaikan dan penyelenggaraan projek.</p>
03.06.22 (Jumaat) 10.00 pagi	Genting Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan meningkat 17% tahun ke tahun kepada RM13.5 bilion (tahun kewangan 2020: RM11.6 bilion) manakala pendapatan bersih sebelum ditolak faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (<i>Earnings Before Interest, Tax, Depreciation and Amortisation</i>, EBITDA) yang diselaraskan Kumpulan meningkat kepada RM4.0 bilion (tahun kewangan 2020: RM2.9 bilion). Peningkatan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh Bahagian Riadah dan Hospitaliti serta Bahagian Perladangan, selaras dengan peningkatan pendapatan. Prospek pelancongan antarabangsa bertambah baik secara beransur-ansur, disokong oleh kadar vaksinasi yang lebih tinggi di seluruh dunia dan pengenalan pasport vaksin di negara tertentu. Faktor-faktor ini menyokong pemulihan industri pelancongan, riadah dan hospitaliti, termasuk sektor perjudian serantau.</p>
03.06.22 (Jumaat) 10.00 pagi	Chin Hin Group Berhad (AGM)	<p>Chin Hin melaporkan pendapatan berjumlah RM1.15 bilion pada tahun kewangan 2021, mewakili peningkatan 18.74% atau RM181.56 juta berbanding RM968.76 juta pada tahun kewangan 2020.</p> <p>Pendapatan daripada pengagihan bahan binaan, pembuatan konkrit berudara diautoklaf (<i>Autoclaved Aerated Concrete</i>, AAC) dan pembuatan jaringan dawai mencatatkan peningkatan ketara pada tahun kewangan 2021 apabila kerja-kerja di tapak pembinaan mula</p>



		diteruskan selepas penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan penuh ditarik balik. Kumpulan melaporkan Keuntungan Sebelum Cukai yang lebih tinggi, berjumlah RM41.74 juta berbanding RM25.11 juta yang dilaporkan pada tahun kewangan 2020.
--	--	---

**Perkara penting untuk diketengahkan:**

<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu untuk diketengahkan</b>
Spritzer Bhd (AGM)	<p>Spritzer telah membeli sebidang tanah seluas 1,227.6 ekar yang terletak di Trong, Perak dengan harga RM76 juta untuk pembesaran loji air mineral tambahan.</p> <p>Perolehan ini sedang menunggu kelulusan Lembaga Tanah Estet (<i>Estate Land Board</i>) untuk pemindahan harta daripada Trong Oil Palm Estates Sdn Bhd kepada Spritzer.</p> <p>a) Bilakah Syarikat menjangkakan untuk menyelesaikan urusan niaga ini?</p> <p>b) Berdasarkan dinamik bekalan dan permintaan semasa untuk produk syarikat, adakah Kumpulan bersedia untuk memulakan penubuhan kilang baharu dalam masa terdekat?</p> <p>c) Sila huraikan pelan pengembangan dari segi perbelanjaan modal, garis masa, kapasiti dan sebagainya.</p>
Pegasus Heights Berhad (AGM)	<p>Banjir kilat yang berlaku pada suku terakhir 2020 mengakibatkan penutupan pusat beli belah untuk kerja-kerja pembaikan sehingga akhir Februari 2021. (Halaman 4, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Adakah Syarikat dilindungi oleh polisi insurans banjir?</p> <p>b) Berapakah nilai kerja-kerja pembaikan?</p> <p>c) Berapakah jumlah kerja-kerja pembaikan yang boleh dituntut daripada syarikat insurans?</p>
Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad (AGM)	<p>Selepas beberapa bencana alam serius berlaku di Malaysia, penanggung insurans dilaporkan telah mengalami kerugian kewangan daripada aktiviti pengunderaitan mereka.</p> <p>a) Berapakah jumlah pembayaran insurans oleh STMKB akibat bencana alam pada tahun kewangan 2021?</p> <p>b) Adakah syarikat insurans mengalami kerugian kewangan daripada aktiviti pengunderaitan ini? Jika ya, berapakah jumlah kerugian yang ditanggung?</p>

	<p>c) Adakah STMKB berdepan pembayaran insurans yang semakin meningkat saban tahun akibat berlakunya bencana alam? Bagaimanakah perubahan harga dan perlindungan dari tahun ke tahun?</p> <p>d) Adakah STMKB menjangkakan sebarang kesan ketara daripada perubahan iklim ke atas prestasi pengunderaitannya, lebih-lebih lagi selepas kejadian banjir yang kerap berlaku di Semenanjung Malaysia baru-baru ini?</p> <p>e) Melihat dari sudut pandang STMKB, apakah peluang dan risiko yang perlu dihadapi oleh syarikat insurans akibat bencana yang berkaitan iklim? Bagaimanakah Kumpulan menggunakan peluang tersebut dan membendung risiko yang berkaitan apabila dikaitkan dengan perniagaan takaful am dan keluarga?</p> <p>f) Pada tahun kewangan 2021, STMKB merupakan penanggung insurans terbesar dalam perniagaan takaful motor dengan bahagian pasaran sebanyak 66.4% (Halaman 11, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>Apakah produk atau ciri-ciri inovatif yang diperkenalkan oleh STMKB bagi memenuhi keperluan pasaran yang semakin meningkat untuk mendapatkan perlindungan yang lebih besar terhadap kejadian banjir?</p>
<p>Techna-X Berhad (AGM)</p>	<p>Penghutang dagangan Kumpulan meningkat 2,836% atau RM31.2 juta daripada RM1.1 juta pada tahun kewangan 2020 kepada RM32.3 juta tahun kewangan 2021. (Halaman 120, Laporan Tahunan)</p> <p>Peningkatan dalam penghutang dagangan adalah berikutan pemerolehan perniagaan baharu iaitu penyelesaian penyimpanan tenaga, perniagaan makanan dan minuman yang dipacu teknologi serta pemboleh transformasi digital dan teknologi lain pada tahun kewangan 2020.</p> <p>a) Sila berikan jumlah penghutang dagangan daripada setiap segmen perniagaan baharu yang dinyatakan di atas bagi tahun kewangan berakhir 2021.</p> <p>b) Berapakah jumlah penghutang dagangan daripada setiap segmen perniagaan baharu telah melebihi tempoh kredit biasa?</p> <p>c) Berapakah jumlah penghutang dagangan yang telah dikutip daripada setiap segmen perniagaan pada Februari 2022?</p>
<p>Comfort Gloves Berhad (AGM)</p>	<p>1. Pendapatan kumpulan meningkat 46.9% daripada RM946.447 juta pada tahun kewangan 31 Januari 2021 kepada RM1,390.655 juta dalam tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2021. Bagaimanapun, perbelanjaan jualan dan pemasaran melonjak 115.5% daripada</p>

	<p>RM8.228 juta kepada RM17.728 juta. Begitu juga perbelanjaan pentadbiran yang meningkat 295.9% daripada RM33.433 juta kepada RM132.373 juta. (Halaman 59, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>Apakah yang menyebabkan peningkatan ketara dalam perbelanjaan jualan dan pemasaran serta perbelanjaan pentadbiran, yang mana kedua-duanya tidak sepadan dengan peningkatan dalam pendapatan Kumpulan?</p> <p>2. Kerugian rosot nilai ke atas penghutang dagangan berjumlah RM3.221 juta untuk tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2021 (tahun kewangan berakhir 31 Januari 2021: Tiada rosot nilai) dan hutang lapuk dihapus kira berjumlah RM1.102 juta (tahun kewangan berakhir 31 Januari 2021: RM96,816). (Halaman 90, 103, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>Apakah yang menyebabkan peningkatan ketara dalam kerugian rosot nilai dan hutang lapuk dihapus kira? Apakah kebarangkalian untuk memasuk kira semula jumlah kerugian rosot nilai ini? Adakah syarikat perlu mengkaji semula dasar pengurusan risiko kredit?</p> <p>3. Inventori yang diturunkan nilai dan dihapus kira bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2021 masing-masing berjumlah RM13.262 juta dan RM4.217 juta. Tiada penurunan nilai atau hapus kira seumpama ini bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2021. (Halaman 104, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>Apakah yang menyebabkan jumlah penurunan nilai dan hapus kira inventori yang begitu ketara? Berapakah anggaran jumlah yang boleh diselamatkan daripada inventori yang diturunkan nilai? Adakah syarikat perlu menyemak semula dasar pengurusan inventori?</p>
IHH Healthcare Berhad (AGM)	<p>Jumlah penghutang dagangan dihapus kira meningkat dengan ketara daripada RM10.2 juta pada tahun kewangan 2020 kepada RM20.7 juta pada tahun kewangan 2021. (Halaman 164, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan peningkatan yang ketara ini?</p> <p>b) Pernahkah dasar kredit Syarikat disemak semula bagi memastikan kemudahan kredit hanya diberikan kepada pelanggan yang benar-benar layak?</p> <p>c) Adakah syarikat meramalkan peningkatan dalam penghutang dagangan yang dihapus kira dalam tahun kewangan berakhir 2022 memandangkan ekonomi masih lesu?</p>
WZ Satu Berhad (AGM)	Pengurusan Minyak dan Gas ( <i>Oil and Gas</i> , OG) bersedia untuk kepelbagaian dengan melibatkan diri dalam kerja-kerja

	<p>pembangunan tenaga boleh diperbaharui (iaitu solar, hidrogen dan hidro) melalui kerjasama strategik dengan pelanggan dan penyedia teknologi terkenal dan/atau Pengilang Peralatan Asal (<i>Original Equipment Manufacturer, OEM</i>) (Halaman 17, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>a) Adakah Kumpulan mempunyai pengetahuan yang cukup untuk menceburi bidang pembangunan tenaga boleh diperbaharui?</p> <p>b) Adakah Kumpulan sedang mengadakan perbincangan serius mengenai sebarang perjanjian untuk inisiatif yang disebutkan di atas?</p>
WZ Satu Berhad (EGM)	<p><u>Cadangan Kepelbagaian oleh Kumpulan WZ Satu dalam bidang Pembangunan Hartanah</u></p> <p>Menurut Cadangan Kepelbagaian, Kumpulan akan berdepan pelbagai risiko perniagaan dalam industri pembangunan hartanah, termasuk persaingan daripada pemaju hartanah lain (Halaman 12, Pekeliling).</p> <p>a) Sebagai pemain baharu dalam bidang pembangunan hartanah, bagaimanakah Lembaga Pengarah merancang untuk menangani risiko persaingan, terutama daripada pemaju hartanah yang berpengalaman?</p> <p>b) Apakah kelebihan daya saing Kumpulan berbanding pemain industri lain dalam pasaran?</p>
Eversendai Corporation Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2021, Kumpulan merekodkan kerugian rosot nilai bersih ke atas aset kontrak berjumlah RM35,374,000 (tahun kewangan 2020: RM516,000) (Halaman 49 hingga 50, Penyata Kewangan Beraudit 2021).</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan lonjakan ketara dalam rosot nilai ke atas aset kontrak?</p> <p>b) Apakah langkah yang diambil untuk mendapatkan semula jumlah tersebut?</p> <p>c) Berapakah jumlah yang berjaya dimasukkan kira semula sehingga kini?</p> <p>d) Memandangkan terdapat peningkatan ketara dalam rosot nilai, adakah Kumpulan perlu mengkaji semula dasar kreditnya?</p>
Genting Malaysia Berhad (AGM)	<p>Prestasi kewangan Kumpulan pada tahun kewangan 2021 dipengaruhi oleh gabungan kesan pelbagai sekatan perjalanan dan penutupan sementara hartanah Kumpulan yang berpanjangan, khususnya di Malaysia dan United Kingdom ("UK"). Walau bagaimanapun, perubahan strategik yang dilaksanakan pada tahun-tahun sebelumnya, termasuk menentu ukur semula struktur kos dan rekayasa semula proses, membolehkan Kumpulan bekerja dengan lebih tangkas</p>

	<p>sewaktu mengharungi keadaan yang tidak menentu. (Halaman 3, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>Apakah komponen utama dalam struktur kos yang ditentu ukur semula dan proses yang direkayasa dan apakah sumbangannya kepada Kumpulan?</p>
Malaysian Resources Corporation Berhad (AGM)	<p>Pendapatan daripada Bahagian Kejuruteraan, Pembinaan dan Alam Sekitar (<i>Engineering, Construction dan Environment Division, ECED</i>) meningkat kepada RM891.3 juta pada tahun kewangan 2021 daripada RM501.4 juta pada tahun kewangan 2020. (Halaman 76, Laporan Tahunan Bersepadu)</p> <p>Kos jualan ECED juga meningkat daripada RM428.7 juta pada tahun kewangan 2020 kepada RM867.9 juta pada tahun kewangan 2021. (Halaman 77, Laporan Tahunan Bersepadu).</p> <p>Keuntungan kasar daripada ECED adalah jauh lebih rendah iaitu RM2.34 juta pada tahun kewangan 2021 berbanding RM7.27 juta pada tahun kewangan 2020. Oleh yang demikian, margin keuntungan kasar hanyalah 0.26% bagi tahun kewangan 2021 berbanding 1.44% pada tahun kewangan 2020.</p> <p>a) Mengapakah keuntungan kasar bagi tahun kewangan 2021 jauh lebih rendah berbanding tahun kewangan 2020?</p> <p>b) Apakah komponen utama kos jualan yang mencatatkan peningkatan ketara pada tahun kewangan 2021?</p> <p>c) Apakah tindakan yang diambil oleh Kumpulan untuk mengurangkan perbelanjaan yang tinggi dalam (b) di atas?</p>
Tenaga Nasional Berhad (AGM)	<p>Dalam pengumuman syarikat bertarikh 31 Disember 2021, Tenaga memaklumkan bahawa pihak Kerajaan Malaysia memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan mekanisme Pelepasan Kos Bahan Api Tidak Seimbang (<i>Imbalance Cost Pass-Through, ICPT</i>) di samping mengekalkan rebat ICPT pada 2.00 sen/kWj yang sedang dilaksanakan kepada semua pelanggan termasuk pelanggan domestik dengan penggunaan bulanan 300 kWj dan ke bawah, berkuat kuasa mulai 1 Januari 2022 dan sehingga dimaklumkan kelak. Tenaga juga memaklumkan kesan pelaksanaan ICPT, berdasarkan Panduan Pelaksanaan Kawal Selia (<i>Regulatory Implementation Guidelines, RIG</i>), adalah neutral ke atas TNB dan tidak akan mempunyai sebarang kesan ke atas operasi perniagaan dan kedudukan kewangannya.</p> <p>a) Walaupun harga tenaga berada pada tahap yang tinggi dan ICPT berada dalam kedudukan pemulihan iaitu RM1,300.8 juta pada <b>30 September 2021</b>, Kerajaan Malaysia membuat keputusan untuk mengekalkan rebat ICPT dan bukannya surcaj tarif dari 1 Januari 2022 sehingga notis selanjutnya. Dengan kenaikan harga bahan api pada separuh pertama 2022, defisit ini</p>

	<p>berkemungkinan akan terus berkembang pada suku tahun akan datang.</p> <p>Memandangkan jumlahnya di bawah pelan pemulihan ini agak besar, harga bahan api yang meningkat dan kesukaran untuk melaraskan kenaikan yang curam dalam tarif elektrik pada masa terdekat, adakah Tenaga menjangkakan ICPT mengambil masa yang lama untuk kembali ke kedudukan neutral? Adakah Tenaga mengharapkan sebarang bentuk subsidi daripada kerajaan untuk mengurangkan defisit ini?</p> <p>b) Sebelum pengumuman syarikat di atas dibuat, ICPT telah berada dalam kedudukan pemulihan iaitu RM1,300.8 juta pada <b>30 September 2021</b>. Selepas itu, kedudukan pemulihan ini melonjak kepada RM3,034.4 juta pada 31 Disember 2021 disebabkan oleh harga bahan api yang tinggi. Sila jelaskan mengapakah perkara ini tidak memberi kesan kepada kedudukan kewangan Tenaga memandangkan kedudukan pemulihan yang semakin meningkat dijangka mengakibatkan lonjakan ketara dalam jumlah penghutang kumpulan, menjejaskan aliran tunai dan tahap penggearing bersih kumpulan, serta tambahan kos faedah yang berkaitan dengan peningkatan penghutang.</p>
Malaysia Airports Holdings Berhad (AGM)	Apakah status rundingan pajakan tanah selama 99 tahun dengan Kerajaan Malaysia untuk pembangunan KLIA Aeropolis, serta rundingan perjanjian operasi dengan Kerajaan berhubung 39 lapangan terbang yang diuruskan oleh Malaysia Airports Holdings Bhd di Malaysia (Halaman 106, Laporan Tahunan Tahun Kewangan 2021)? Bilakah rundingan ini dijangka selesai?
Genting Berhad (AGM)	<p>Perniagaan perkilangan hiliran menghadapi tahun yang mencabar kerana peningkatan harga minyak sawit mengakibatkan tebaran gasoil – minyak sawit yang tidak menggalakkan, yang memberi kesan terhadap jualan eksport produk biodiesel. Walaupun jumlah jualan lebih rendah, syarikat merekodkan margin yang lebih tinggi, hasil daripada harga jualan yang lebih kukuh yang dicapai untuk gliserin, iaitu produk sampingan biodiesel. (Halaman 6, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>a) Sejauh manakah penurunan jualan eksport produk biodiesel menjejaskan prestasi Kumpulan?</p> <p>b) Adakah harga jualan gliserin yang kukuh ini dapat dikekalkan pada tahun kewangan 2022 dan seterusnya?</p>
Chin Hin Group Berhad (AGM)	Penggearing bersih kumpulan pada 31 Disember 2021 berada pada 1.11 kali dan nisbah semasa pada 1.00 kali. Selain itu, daripada RM515.1 juta penghutang dagangan pada 31 Disember 2021, sejumlah RM349.6 juta atau kira-kira dua pertiga daripada jumlah penghutang dagangan bersih telah melepasi tempoh. Walaupun dengan cadangan pelupusan

	<p>baki kepentingan dalam Solarvest Holdings Bhd, yang tertakluk kepada kelulusan pemegang saham pada tarikh yang akan ditentukan kemudian, kami berpendapat nisbah penggearan bersih, secara proforma, kekal tinggi pada 0.89.</p> <p>a) Memandangkan Chin Hin berada dalam industri kitaran dan beroperasi dalam persekitaran yang mencabar berikutan inflasi yang tinggi, gangguan rantai bekalan, kekurangan tenaga buruh, kadar faedah yang meningkat dan hartanah tidak terjual, selain cadangan pelupusan baki kepentingan dalam Solarvest, apakah tindakan yang diambil oleh Kumpulan untuk mengurangkan risiko kecairan?</p> <p>b) RM349.6 juta daripada penghutang bersih telah tertunggak. RM184.3 juta daripada jumlah ini tertunggak lebih dari 60 hari. Apakah tindakan yang diambil untuk mengutip hutang dagangan yang tertunggak ini? Sejauh manakah keyakinan Lembaga Pengarah dapat memungut hutang dagangan yang tertunggak?</p>
--	--

#### PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))

Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ranjit.singh@mswg.org.my](mailto:ranjit.singh@mswg.org.my))

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ooi.benghooi@mswg.org.my](mailto:ooi.benghooi@mswg.org.my))

---

#### PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.
- 

#### PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.